

Pengumuman Terkini

Penang Gold Signature Fair – Projek Inisiatif MIJF
Pelancaran Pameran Dagangan Emas yang pertama di Asia Tenggara

PULAU PINANG: Penang Gold Signature Fair (PSG) 2016 merupakan satu projek yang dikenali oleh pihak penganjur Malaysia International Jewellery Fair (MIJF), Elite Expo Sdn Bhd. Pameran ini akan diadakan pada 10 Ogos hingga 12 Ogos 2016, dari pukul 11 pagi hingga 7 petang di Pusat Konvensyen Straits Quay.

Dengan sukacitanya, pihak penganjur ingin mengumumkan bahawa PSG merupakan pameran emas yang pertama di Asia Tenggara. Elite Expo Sdn Bhd akan bekerjasama dengan *P.W Gold & Silver Ornament Merchants Association* dalam menjayakan pameran gemuruh ini. Pulau Pinang, dikenali sebagai pusat perdagangan industri emas dengan kemahiran tukang emas yang kukuh. Oleh itu, pihak penganjur percaya bahawa pulau pinang adalah destinasi yang paling strategik untuk melancarkan pameran emas.

Objektif utama pelancaran pameran ini adalah untuk memperkenalkan industri emas Malaysia di peringkat antarabangsa. Dalam pasaran dagangan kini, harga emas yang ditetapkan oleh peniaga tempatan menerima sambutan yang lebih hangat berbanding dengan emas yang dieksport daripada negara lain. Menerusi pameran ini, kedua-dua pihak dagang emas dan peniaga kedai emas boleh mewujudkan rangkaian perdagangan yang rapat sebagai perantaraan untuk mengukuhkan industri emas tempatan.

Persidangan akhbar rasmi PSG telah diadakan pada 8 April 2016, pukul 12pm di Pusat Konvensyen Straits Quay. Dalam persidangan ini, pihak penganjur, Elite Expo Sdn Bhd dan pihak *P.W Gold & Silver Ornament Merchants Association* akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai persetujuan usahasama untuk melancarkan pameran ini. Di samping itu, pihak penganjur juga rasa bangga dengan kehadiran Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam sidang akhbar bagi melancarkan perasmian tersebut.

Menerusi PSG 2016, pembeli emas boleh memperolehi pelbagai sumber emas dari segi karat and kehalusan seperti 22K, 21K, 18K, 916 emas dan sebagainya. Selain itu, siri barang perhiasan emas yang elegan seperti gelang, kerongsang, kalung, cincin, subang, syiling emas dan bar emas. Selain daripada sumber perhiasan, peniaga emas juga boleh

memperolehi sumber peralatan atau mesin tukang emas yang canggih. Pihak penganjur percaya bahawa pameran dagangan emas ini semestinya berjaya membimbing pasaran emas tempatan melangkau ke arah kemuncak antarabangsa!

###

Untuk maklumat selanjutnya, sila hubungi:

Bahagian PR dan Komunikasi,

Elite Expo Sdn. Bhd.,

Tel: (603) 5891 1157

Fax: (603) 5891 1147

Emel: info@eliteexpo.com.my

Laman Web: www.elite.com.my